

# SINKRETISME AGAMA MELALUI UPACARA MA'NENE DALAM KALANGAN KOMUNITI TORAJA UTARA DI KAMPUNG LALIKAN, SULAWESI SELATAN, INDONESIA

## RELIGIOUS SYNCRETISM THROUGH THE MA'NENE CEREMONY AMONG THE NORTHERN TORAJA COMMUNITY IN LALIKAN VILLAGE, SOUTH SULAWESI, INDONESIA

Alicia Anatasha Wong<sup>1</sup>  
Rosazman Hussin (PhD)<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysian,  
(E-mail: [alicia\\_anatasha\\_wong\\_ma22@iluv.ums.edu.my](mailto:alicia_anatasha_wong_ma22@iluv.ums.edu.my))

<sup>2</sup>Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
(E-mail: [azzs@ums.edu.my](mailto:azzs@ums.edu.my))

\*Co-responding author

### Article history

Received date : 11-8-2025  
Revised date : 12-8-2025  
Accepted date : 7-9-2025  
Published date : 30-9-2025

### To cite this document:

Wong, A. A., & Hussin, R. (2025). Sinkretisme agama melalui upacara Ma'nene dalam kalangan komuniti Toraja Utara di Kampung Lalikan, Sulawesi Selatan, Indonesia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 820 – 836.

**Abstrak:** Upacara Ma'nene adalah warisan budaya suku Toraja Utara di Indonesia yang wajib dilaksanakan sebagai tanda simbolik kasih sayang, penghormatan kepada ahli keluarga yang sudah meninggal dunia. Upacara Ma'nene ini terkait dengan tradisi warisan sistem kepercayaan lama dari nenek moyang suku Toraja yang disebut Aluk Todolo. Tradisi ini mengandungi banyak filosofi berkaitan kepercayaan, kebanggaan, tradisi kuno dan peradaban yang semuanya tersirat dalam tradisi unik ini. Namun demikian, pada masa kini wujud fahaman sinkretisme agama antara kepercayaan tradisional suku Toraja (upacara Ma'nene) dengan kepercayaan agama Kristian yang menjadi topik perbincangan dalam artikel ini. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kutipan data adalah melalui temu bual mendalam dengan enam belas orang informan utama; kaedah pemerhatian turut serta diaplikasi sewaktu penyelidikan berada di lokasi upacara ini berlangsung; sumber data sekunder seperti artikel jurnal dan tesis digunakan bagi menyokong kesahan maklumat data kualitatif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa upacara tradisi Ma'nene ini masih lagi dipelihara meskipun pada masa kini telah menjadi produk daya tarikan pelancong melalui sinkretisme agama. Sinkretisme agama yang diamalkan oleh masyarakat Toraja Utara telah mampu mempertahankan upacara tradisi Ma'nene ini sebagai sebuah warisan budaya yang dapat dipertahankan hingga kini agar ia dapat menjadi tatapan dan diwariskan kepada generasi pada masa yang akan datang secara berkesinambungan.

**Kata Kunci:** Upacara, Warisan Budaya, Sistem Kepercayaan, Sinkretisme Agama

**Abstract:** *The Ma'nene ceremony is a cultural heritage of the Toraja tribe in Indonesia that must be performed as a sign of love and respect for deceased family members. Although the Ma'nene ceremony is related to the old belief system of the ancestors of the Toraja tribe, called Aluk Todolo, which encompasses various philosophies such as trust, pride, ancient traditions, and civilization, all of which are implicit in this unique tradition. However, there is a syncretism between the traditional beliefs of the Toraja tribe (the Ma'nene ceremony) and Christian beliefs, which is the topic of discussion in this article. The methodology of this study used a qualitative method through in-depth interviews with sixteen key informants, the method of observation by participating in this ceremony, and the secondary data source method for further information. The data analysis reveals that the traditional Ma'nene ceremony remains preserved, despite being a product of tourist attraction. The Ma'nene tradition ceremony is a cultural heritage that must be preserved in order for it to be the gaze of generations in the future.*

**Keywords:** *Ceremony, Cultural Heritage, Belief System, Religious Syncretism*

## Pendahuluan

Upacara Ma'nene sudah dilakukan dan diamalkan oleh masyarakat Toraja Utara, Indonesia sejak zaman dahulu lagi. Amalan upacara Ma'nene dilaksanakan menerusi kepercayaan tradisional lama mereka yang disebut sebagai *Aluk Todolo* atau *Alukta*. Kepercayaan ini mengandungi ajaran-ajaran atau pengaturan hidup diikuti dengan pantang-larang, makna simbolik amalan tradisi, penghormatan, serta merupakan cara hidup suku Toraja tersebut sehinggalah pada masa kini. Atas alasan warisan budaya inilah yang menjadikan sebab masyarakat suku Toraja masih lagi mengamalkan kebudayaan lama yang diwarisi dari nenek moyang mereka meskipun kebanyakan ahli masyarakat Toraja Utara ini sudah menganut agama Kristian (Marampa, 1997:33). Upacara Ma'nene dilihat sebagai salah satu bentuk upacara adat sebagai simbul perpaduan ahli keluarga dan ahli komuniti kampung kerana kematian, tetapi upacara ini juga merupakan simbol seni dan ritual budaya warisan (Pongarrang, 2014). Manakala kewujudan fahaman sinkretisme di Kampung Lalikan ia telah mengukuhkan lagi perpaduan antara ahli pelaksana upacara Ma'nene dengan ahli fahaman agama Kristian. Pada zaman dahulu, upacara Ma'nene ini masih dianggap sebagai ritual adat warisan kerana ahli komuniti pada masa tersebut masih lagi mengamalkan dan melaksanakan upacara Ma'nene dalam bentuk animisme. Agama Kristian melarang semua amalan yang berbentuk animisme kerana ia dianggap bertentangan dengan prinsip teologi Kristian yang meyakini wujudnya Tuhan dan menolak kepercayaan terhadap roh-roh yang menghuni objek-objek alam. Namun, pada masa kini proses pelaksanaannya telah diselaraskan dengan fahaman agama Kristian ini sehingga menjadikan upacara Ma'nene sebagai amalan yang mempunyai tafsiran makna budaya yang baru. Justeru, kajian ini mengetengahkan isu sinkretisme agama melalui upacara Ma'nene yang masih kurang diberi perhatian oleh pengkaji sebelum ini. Kajian berkenaan konflik atau ketegangan antara tradisi animisme dan ajaran Kristian juga masih terhad. Misalnya di lokasi kajian ini terdapat tiga aliran agama Kristian iaitu Protestan (82%), Katolik (12%) dan Pentakosta (6%) (lihat Jadual 2). Sumbangan utama kajian ini adalah terhadap bidang sosiologi agama iaitu memberi penjelasan mengenai keupayaan institusi agama dan pengikutnya beradaptasi dengan kepercayaan dan budaya tradisi komuniti sehingga menghasilkan makna baru dalam kalangan ahli masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji memberi fokus terhadap fahaman sinkretisme agama melalui upacara Ma'nene di Kampung

Lalikan Pangala' sebagai suatu proses membentuk perpaduan etnik dalam kalangan ahli komuniti suku Toraja. Inilah kelompok yang diisi dalam kajian ini berbanding kajian terdahulu.

### Sorotan Literatur

Perbincangan sorotan literatur dalam penulisan ini dibahagikan kepada tiga sub-tema utama iaitu definisi konsep utama kajian, teori interaksi simbolik dan sorotan kajian lepas seperti berikut:

### Definisi Konsep Utama Kajian

#### Konsep Sinkretisme

*The New Encyclopedia Britannica* (1976) menyatakan bahawa sinkretisme adalah percampuran amalan dan praktis dari pelbagai agama. Manakala, *Oxford Dictionary* (2001) menyatakan bahawa sinkretisme merujuk kepada makna percampuran budaya atau amalgamasi budaya. Mullins (2001) mengatakan bahawa sinkretisme ini dapat difahami sebagai gabungan unsur-unsur dari dua atau lebih agama, ideologi mahupun sistem nilai. Brown (2006), pula menyatakan bahawa sinkretisme adalah merujuk kepada dua jenis sinkretisme iaitu; pertama sinkretisme antara budaya yang wujud hasil daripada percampuran antara budaya. Kedua, sinkretisme antara agama yang wujud hasil daripada percampuran serta pertembungan antara agama dan *world-view* sesuatu agama.

#### Konsep Upacara Ma'nene Suku Toraja

Gunawan dan Merina (2018) menyatakan bahawa upacara Ma'nene dilakukan sebagai bentuk cinta dan kasih ahli komuniti Toraja terhadap orang-orang yang telah pergi mendahului mereka dan sebagai suatu bentuk penghargaan kepada nenek moyang serta merapatkan lagi hubungan sanak saudara yang masih hidup dengan yang telah meninggal dunia. Manakala, Alatami (2018) menyatakan bahawa upacara Ma'nene ini merupakan sebahagian upacara untuk mengenang serta mendoakan nenek moyang yang telah meninggal, selain sebagai tempat untuk menyambungkan hubungan silaturahim yang baik antara sesama anggota keluarga. Begitu juga Rismayanti dan Nusarastriya (2020) turut menyatakan bahawa upacara Ma'nene ini adalah satu tradisi yang wajib dilaksanakan oleh Masyarakat suku Toraja untuk tetap mengenang nenek moyang mereka ataupun keluarganya yang telah meninggal dunia.

#### Teori Interaksi Simbolik

Teori interaksi simbolik telah dikembangkan oleh George Herbert Mead dan selepas itu dikembangkan oleh Herbert Blummer (Bruce, S and Yearley, S, 2006). Teori ini merupakan pendekatan penting dalam kajian sosiologi, komunikasi dan psikologi sosial. Secara amnya, teori interaksi simbolik mengatakan dalam sesebuah interaksi sosial antara individu dengan individu lain atau interaksi antara ahli komuniti dengan kelompok komuniti berpotensi mengeluarkan simbol dan makna budaya. Interaksi simbolik adalah satu hubungan timbal balik antara ahli komuniti dengan menggunakan simbol tertentu yang telah pun difahami maknanya oleh komuniti tersebut. Edward T. Hall (1967) mengatakan bahawa tidak ada batasan antara budaya dan komunikasi. Menurutnya lagi, budaya adalah komunikasi dan komunikasi adalah budaya. Ini kerana terdapatnya simbol-simbol yang menjadi ekspresi atau wujud dari pemahaman dan penghayatan terhadap realiti yang tidak terjangkau sehingga ianya menjadi sangat dekat. Ini disokong oleh Anthony Giddens dan Karen Birdsall (2001), mengatakan bahawa teori

interaksi simbolik memfokuskan kepada satu hubungan timbal balik antara personal dan komuniti dengan menggunakan simbol tertentu yang telah pun difahami maknanya oleh ahli komuniti dalam kehidupan budaya seharian mereka. Tingkahlaku individu dapat dipengaruhi oleh simbol-simbol (seperti bahasa, sesuatu objek) untuk menyampaikan makna dalam interaksi sosial yang di hasilkan oleh masyarakat dan hasil isyarat dan simbol simbol budaya. Manakala intepretasi simbol-simbol tersebut dapat difahami maknanya oleh ahli masyarakat dan mereka bertindak balas mengikut makna budaya tersebut samada bersetuju, menyokong, patuh, taat setia atau berkonflik. Dengan kata lain dalam konteks interaksi simbolik makna budaya lahir daripada pengalaman interaksi sosial individu dalam sesebuah komuniti atau masyarakat (Zanki, 2020).

### Sorotan Kajian Lepas

Secara dasarnya, semua budaya memiliki peranan penting dan maknanya yang tersendiri dalam kehidupan setiap pemilik ahli masyarakatnya. Hal ini sama halnya dengan upacara Ma'nene suku Toraja yang sangat penting sebagai cara mezhahirkan perasaan cinta, kasih sayang, kerinduan, penghormatan serta hubungan yang tidak putus antara orang yang telah meninggal dunia dengan orang yang masih hidup meskipun sudah menganuti agama Kristian atau pun agama Islam. Paranoan (1994:24) mengatakan bahawa *Aluk* (kepercayaan anamisme) dan adat tradisi sememangnya dapat dipisahkan dalam upacara Ma'nene masa kini kerana ianya bersifat pemujaan yang tidak dibenarkan dalam amalan agama Kristian. Namun, *Aluk* merupakan titik permulaan dari semua amalan budaya suku Toraja. Isu penelitian dalam penulisan ini adalah berpusat kepada fahaman sinkretisme agama (gabungan dan tolak ansur antara beberapa aliran fahaman agama dalam agma Kristian dengan fahaman agama tradisi yang berlaku dalam komuniti suku Toraja Utara di Kampung Lalikan, Indonesia.

Kajian oleh Febrianti Parrang (2020) bertajuk, "Pergeseran Makna Tradisi Ma'nene Pada Masyarakat Baruppu Parodo di Kabupaten Toraja Utara." Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif adalah membincangkan tentang pergeseran makna simbol pada upacara Ma'nene masyarakat Baruppu Parodo di Kabupaten Toraja Utara. Pertama, hasil kajian mendapati bahawa terdapat faktor pengaruh daripada agama Kristian yang mana ianya disertai dengan upacara bacaan disekitar kuburan atau dikenali sebagai Patane (kuburan yang berbentuk rumah) yang akan dibuka. Kedua, hasil kajian mendapati bahawa terdapat kesan positif pergeseran makna upacara Ma'nene iaitu seperti dapat menjimatkan dana, keberkesanan waktu serta keberkesanan tenaga. Manakala, kesan negatifnya adalah seperti semangat masyarakat untuk melaksanakan tradisi sudah mulai berkurang, memudarnya nilai gotong-royong serta memudarnya tujuan asal pelaksanaan tradisi tersebut.

Selain daripada itu, kajian yang dilakukan oleh Dwi Megawati (2020) bertajuk, "Hubungan antara spritualitas dan tradisi Ma'nene yang dilakukan di daerah Kantun Poya." Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif membincangkan cara untuk meningkatkan spiritualiti terhadap upacara Ma'nene bagi suku Toraja. Ini dapat dilihat dalam upacara Ma'nene yang hanya dilakukan oleh beberapa daerah-daerah tertentu sahaja yang ada di Toraja Utara, Pulau Sulawesi di waktu yang tertentu bagi memperlihatkan pentingnya hubungan antara keluarga. Kajian ini mendapati bahawa budaya dan spiritual merupakan suatu bahagian dari kehidupan manusia. Upacara Ma'nene merupakan suatu kegiatan yang dilakukan oleh masyarakat suku Toraja untuk membersihkan jasad atau mayat yang sudah puluhan, belasan atau sampai ratusan tahun sudah meninggal dunia. Oleh sebab itu, segala sesuatu makna budaya yang terdapat dalam satu

daerah ataupun masyarakatnya ditentukan oleh warisan budaya yang dimiliki oleh masyarakat itu sendiri.

Kajian oleh Sahrul Syawal (2022) bertajuk, “Landasan Pendidikan Dalam Perspektif Budaya: Kajian Pendidikan dan Budaya Toraja Ma’nene”. Kajian kualitatif ini adalah bertujuan untuk mengetahui serta memahami tentang bagaimanakah landasan pendidikan dalam perspektif budaya Ma’nene di Tana Toraja. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak konsep pendidikan yang lahir dari upacara Ma’nene ini sebagai pendidikan karakter yang menanamkan nilai-nilai luhur dan budaya bangsa berwawasan kearifan lokal. Contohnya seperti membangunkan sikap hormat-menghormati terhadap orang yang lebih tua, bertanggungjawab terhadap orang tua, melestarikan nilai kebudayaan dan nilai kesusilaan, agama dan norma keluarga sentiasa terjaga, mengeratkan hubungan silaturahmi antara ahli keluarga yang merantau, menghidupkan rasa sikap saling kerjasama, keakraban serta menahan emosi dalam rangkaian upacara Ma’nene’ iaitu *Sisemba’* (permainan adu kaki).

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Hartati Muljani, Sara Sapan, Hiskia Christian dan Welly Welliam (2022) bertajuk “Alumni Toraja STT. Injil Bhakti Caraka untuk mengukur keberhasilan pendidikan teologi mengatasi kepercayaan Ma’nene.” Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif adalah bertujuan untuk mengetahui perubahan pemahaman, keyakinan dan sikap alumni Toraja Sekolah Tinggi Teologi Injil Bhakti Caraka (STT IBC) terhadap upacara Ma’nene sebelum, semasa dan setelah memperolehi pendidikan teologi. Kajian ini mendapati bahawa pemahaman alumni Toraja terhadap upacara Ma’nene adalah tentang keyakinan mereka sesuai dengan firman Tuhan bahawa roh orang meninggal akan kembali kepada Tuhan dan tidak berkuasa memberi berkat mahupun kutukan. Oleh sebab itu, alumni Toraja tidak melarang jemaah melaksanakan upacara Ma’nene, tetapi memberikan pemahaman firman Tuhan dan hasil ini telah menunjukkan keberhasilan pendidikan teologi yang dilakukan STT.

Sementara itu, kajian dari Ramba Turandan (2022) bertajuk “Makna simbol dalam upacara Ma’nene di Gereja Toraja Jemaat Sion Barereng: perspektif teori simbol Mircea Eliade” memberi fokus kajiannya terhadap persepsi serta pemaknaan jemaah Sion Barereng terhadap simbol-simbol dalam upacara Ma’nene dengan menggunakan teori simbol Mircea Eliade. Kajian kualitatif ini mendapati bahawa ahli Jemaat Sion Barereng memaknai ritual Ma’nene sebagai wujud dari kasih sayang, upaya merawat jenazah keluarga, perwujudan kasih Tuhan, upaya pelestarian budaya, proses pembersihan diri, alat penghubung dan alat perjumpaan keluarga. Manakala, simbol-simbol dalam upacara Ma’nene tidak mengandungi unsur mistik tetapi memiliki nilai sosiologi. Pergeseran makna dalam pelaksanaan upacara Ma’nene dan terhadap simbol disebabkan oleh pengetahuan jemaah terhadap nilai agama dan adanya tanggungjawab atau amanat nenek moyang yang tidak dilaksanakan secara patuh.

Dalam pada itu, kajian oleh Bustan *et al.* (2023) bertajuk, “Ma’nene: Dinamika Sejarah Tradisi Membersihkan dan Mengganti Pakaian Jenazah Leluhur Suku Toraja.” Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengetahui latar belakang serta faktor yang mendasari terjadinya perubahan upacara Ma’nene sehingga ianya masih lagi dilaksanakan secara turun-temurun. Hasil kajian mendapati bahawa upacara Ma’nene bukanlah sekadar adat semata-mata, namun ianya memiliki makna yang sangat mendalam. Misalnya, suku Toraja haruslah memuliakan jenazah seseorang yang telah meninggal dunia kerana mereka percaya bahawa jika upacara Ma’nene tidak dilaksanakan, maka akan terjadi sesuatu yang tidak mereka ingini berlaku dalam



kehidupan mereka misalnya saja hasil menuai padi yang gagal, kesejahteraan ahli keluarga yang sedang merantau jauh. Kepercayaan inilah yang menjadi simbolik mengapa upacara Ma'nene masih dilestarikan meskipun kebanyakan suku Toraja itu telah memeluk agama Kristian.

Seterusnya, kajian oleh Nadia Lutfun dan Eko Ribawati (2025) yang bertajuk “Ritual Ma'nene Toraja: Kearifan Lokal Dalam Menghormati Leluhur” membahaskan kajiannya yang berbentuk kualitatif menerusi kaedah analisis literatur. Kajian ini membincangkan mengenai tentang sejarah, proses pelaksanaan dan nilai-nilai yang terkandung dalam upacara Ma'nene. Kajian ini menjelaskan betapa pentingnya upacara Ma'nene sebagai bentuk kearifan lokal komuniti dalam menghormati nenek moyang yang masih lagi dipertahankan sehingga ke hari ini.

Jurang kajian yang terkandung dalam semua kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu adalah menyumbang kepada pemahaman makna upacara Ma'nene, peningkatan spiritual, nilai-nilai pendidikan, fahaman teologi dan simbol dalam upacara Ma'nene. Manakala, kajian yang dibincangkan dalam artikel ini membahaskan tentang sinkretisme agama melalui upacara Ma'nene untuk memahami tentang adaptasi agama Kristian dengan budaya tradisi komuniti yang dilihat sebagai elemen penting kepada perpaduan dan penyesuaian sehingga menjadikannya sebagai satu bentuk interaksi sosial dalam kalangan masyarakat Toraja Utara.

### **Lokasi Kajian**

Lokasi bagi kajian ini telah dilakukan di Toraja Utara iaitu di Kampung Lalikan, Pangala', Sulawesi, Indonesia. Pengkaji telah memilih kawasan kajian ini kerana ianya merupakan salah satu destinasi pelancongan budaya yang terkenal di Toraja Utara. Daerah Pangala' merupakan sebuah daerah yang berasal daripada bahagian wilayah Rindingallo. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan untuk meneliti dan memahami sinkretisme agama melalui upacara Ma'nene dalam kalangan komuniti di kampung ini. Pendekatan kualitatif ini membolehkan pengkaji untuk mengumpul maklumat dengan lebih mendalam tentang bagaimana sinkretisme agama boleh berlaku dalam kalangan komuniti di kampung ini. Peta 1 di bawah menunjukkan lokasi Toraja Utara.



**Peta 1: Lokasi Kajian Toraja Utara**

Sumber: Pejabat Provinsi Sulawesi Selatan, 2023

Jarak Daerah Pangala' ini adalah kira-kira 20 kilometer dari wilayah Rantepao yang terletak di kawasan berkaki gunung. Daerah Pangala' merupakan satu perkampungan yang amat terkenal kerana ianya merupakan tempat kelahiran pahlawan nasional Pongtiku yang merupakan pahlawan bagi Tana Toraja sewaktu diserang oleh komunis dalam perang yang disebut sebagai "Perang Kopi". Pengkaji telah memilih Kampung Lalikan sebagai lokasi untuk melaksanakan kajian ini disebabkan oleh kerana di Kampung Lalikan masih melaksanakan upacara Ma'nene ini secara kerap kali dari dahulu hingga masa kini.

### Metodologi Kajian dan Kaedah Kutipan Data

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif kerana fenomena kajian dapat dijelaskan, difahami serta ditulis secara deskriptif (Lee Khuan dan Krauss, 2015). Pendekatan kualitatif ini menekankan cara penelitian yang diperolehi menerusi perkataan dan gambar pemerhatian kajian (Gagliardi dan Dobrow, 2011; Merriam, 1998). Dalam pada itu, kaedah kualitatif ini membantu pengkaji untuk meneliti, mengetahui, memahami serta mendapatkan data yang lebih mendalam, teliti dan mendalam terhadap data yang diinginkan bagi setiap objektif kajian ini. Perbincangan seterusnya adalah berkaitan tentang kaedah kutipan data bagi kajian ini.

### Temu Bual Mendalam

Taylor dan Bogdan (1984) mengatakan bahawa kaedah temu bual mendalam ini merupakan temu muka secara berulang antara pengkaji dan informan kajian yang bertujuan untuk memahami pandangan informan berkenaan dengan pengalaman hidupnya dan pengalaman situasi sosialnya. Melalui kaedah kutipan data ini, pengkaji telah menemubual seramai 16 orang ahli komuniti untuk mendapatkan data kajian ini. Untuk itu, pengkaji telah mendapatkan

persetujuan daripada informan utama kajian ini untuk menggunakan nama sebenar informan dalam analisis data dan penyelidik bersetuju untuk bertanggungjawab dan menghormati jawapan yang telah diberikan oleh informan (Creswell, 2009). Senarai informan adalah seperti Jadual 1 di bawah berikut:

**Jadual 1: Senarai Informan Utama**

| Informan          | Strategi Temu Bual                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Bilangan |
|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|
| Ketua Kampung     | <ul style="list-style-type: none"><li>• Temu janji bersama informan dibuat untuk menetapkan waktu temu bual.</li><li>• Semasa pemerhatian turut serta oleh pengkaji.</li><li>• Temu bual mendalam dijalankan berdasarkan panduan soalan temu bual yang sudah dibuat.</li><li>• Mencatat jawapan yang diberikan oleh informan.</li><li>• Merekod audio sesi temu bual bersama informan.</li><li>• Mengambil gambar sebagai bukti kajian.</li></ul> | 1        |
| AJK Kampung       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 4        |
| Ketua Keluarga    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 3        |
| Ketua Adat        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 2        |
| Pendeta           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 3        |
| Pemandu Pelancong |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 2        |
| Pelancong         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 1        |
|                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 16       |

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

### Pemerhatian

Kenneth D. Bailey (1992) menyatakan bahawa kaedah pemerhatian adalah tentang pengetahuan asas bagi mengumpulkan data tentang tingkah laku, bahasa badan termasuk juga intonasi dari informan (Marican, 2005; Marshall dan Rossman, 2011). Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapatkan data kajian ini. Dalam fasa pemerhatian peringkat awal, pengkaji telah dibantu oleh seorang penduduk Kampung Lalikan merangkap sepupu pengkaji sendiri yang telah dihubungi lebih awal sebelum bergerak ke Kampung Lalikan. Dalam fasa ini juga, pengkaji telah melihat bagaimana ahli komuniti di Kampung Lalikan ini memperbaiki rumah kuburan seperti mengecat semula dinding, menukar atap yang bocor serta membersihkan kawasan rumah kuburan. Pengkaji berkesempatan melihat proses pelaksanaan upacara Ma'nene yang dilaksanakan di kampung lain, sekaligus ini telah memberi gambaran awal kepada pengkaji tentang bagaimana proses dan situasi upacara Ma'nene yang berlangsung di Kampung Lalikan.

### Sumber Data Sekunder

Sabitha Marican (2005) menyatakan bahawa semua sumber bacaan yang mampu membantu menjawab persoalan kajian yang sudah dibentuk merupakan sumber data sekunder. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sumber data sekunder menerusi tinjauan ilmiah untuk mendapatkan maklumat yang lebih luas dan mendalam misalnya melalui bahan-bahan bacaan artikel jurnal berindeks atau tidak berindeks yang terdapat di perpustakaan dan tesis yang ada. Pengkaji juga mendapatkan bahan bacaan seperti artikel jurnal dan buku teks dan buku laporan menerusi akses internet demi mendapatkan maklumat lebih lanjut untuk menyokong dan mengukuhkan lagi kajian ini.



### Kaedah Analisis Data Kualitatif

Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis data kualitatif bagi menulis laporan kajian ini. Proses kaedah analisis data kualitatif adalah menggunakan pendekatan induktif untuk menjana teori bagi mengumpulkan maklumat dan menghuraikan teori berdasarkan maklumat temubual dan pemerhatian yang sudah diperolehi (Creswell, 2009). Pengkaji menggunakan kaedah manual untuk memproses analisis data iaitu rekod temu bual mendalam didengar semula, rakaman temubual tersebut di taip menjadi transkrip. Daripada transkrip temubual, pengkaji membuat tema dan sub tema dan akhirnya pengkaji mengambil petikan temubual yang berkaitan dan gambar sebagai bukti data kajian ini.

### Beberapa Aliran Mazhab Agama Kristian yang Berbeza di Kampung Lalikan Berkaitan Upacara Ma'nene

Secara umumnya setiap ajaran agama menegaskan bahawa manusia telah diajarkan agar memuliakan sesuatu perbuatan mahupun sikap yang baik tanpa perlu mengambil kira perbezaan kebudayaan. Setiap penganut agama dinasihatkan agar hidup bersama dan saling hormat-menghormati setiap perbezaan nilai yang ada. Majoriti komuniti di Kampung Lalikan menganuti agama Kristian dengan dominasi aliran Kristian Protestan. Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah penganut agama Kristian di Kampung Lalikan mengikut tiga aliran.

**Jadual 2: Jumlah Penganut Agama Kristian di Kampung Lalikan**

| Aliran Agama Kristian | Jumlah Penganut |
|-----------------------|-----------------|
| Protestan             | 82%             |
| Katolik               | 12%             |
| Pentakosta            | 6%              |

Sumber: Dinas Kependudukan dan Pencatatan Sipil Kabupaten Toraja Utara, 2023

Namun, dalam konteks melaksanakan upacara Ma'nene di Kampung Lalikan ini wujud percanggahan antara penganut fahaman agama Kristian aliran Protestan, Katolik dan Pentakosta. Bagi ahli komuniti suku Toraja yang menganut fahaman aliran Protestan dan Katolik, mereka masih lagi melaksanakan upacara Ma'nene sebagai tanda penghormatan kepada nenek moyang, orang tua serta saudara-saudara mereka yang telah meninggal dunia. Namun, tatacara pelaksanaan upacara Ma'nene ini sudah diubah selaras dengan amalan kepercayaan agama Kristian Protestan dan Katolik seperti mengadakan bacaan doa sebagai amalan upacara Ma'nene masih boleh diterima seperti bacaan doa. Bacaan doa digalakan demi mengukuhkan hubungan harmoni dan perpaduan antara ahli keluarga yang sudah meninggal dunia dan ahli keluarga yang masih hidup. Lihat penjelasan lanjut dalam Jadual 3.

Sementara, bagi ahli komuniti yang menganut fahaman Kristian Pentakosta, kajian ini mendapati bahawa penganut aliran mazhab ini sudah kurang melaksanakan upacara Ma'nene. Kebanyakan ahli penganut Pentakosta mereka biasanya hanya membersihkan kuburan dan membersihkan jenazah ahli keluarga mereka dan jenazah disimpan semula ke dalam rumah kuburan (*Patane*). Bagi pengikut mazhab ini mereka beranggapan bahawa upara Ma'nene ibarat sebagai suatu bentuk penyembahan berhala kerana sangat menghormati jenazah. Lihat penjelasan lanjut dalam Jadual 3. Seperti dinyatakan oleh seorang informan kajian ini:

“...kita harus pergi ke kuburan... kita bersih-bersihkan kuburan dan kita juga tidak bisa membiarkan orang tua di dalam... nenek ka atau mungkin tulang-tulang mungkin sudah berselerakan iya paling tidak kan kita kumpul-kumpul....”

(Marten Kala, Paderi Aliran Pentakosta, 2023)

**Jadual 3: Kepercayaan Mazhab Agama Kristian Pentakosta, Mazhab Protestan dan Katolik Kampung Lalikan berkaitan Upacara Ma'nene**

| Bil | Mazhab Pentakosta                                                                                                              | Mazhab Protestan dan Katolik                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Beranggapan bahawa upacara Ma'nene berbentuk seperti penyembahan berhala kerana sangat menghormati jenazah                     | <p>i. Mahzab ini menegaskan bahawa upacara Ma'nene harus dilaksanakan untuk menghormati nenek moyang.</p> <p>ii. Upacara Ma'nene merupakan cara suku Toraja menunjukkan kasih sayang mereka kepada ahli keluarga yang sudah meninggal.</p> <p>iii. Upacara Ma'nene harus dilaksanakan untuk menjaga keharmonian dan kesejahteraan ahli keluarga yang masih hidup terutamanya yang merantau jauh agar sentiasa dalam keadaan yang aman dan sejahtera.</p> |
| 2   | Mahzab ini kurang setuju mempertontonkan jenazah untuk menarik perhatian pelancong. Jenazah hanya perlu dibersihkan sewajarnya | <p>i. Upacara Ma'nene dilaksanakan sebagai satu bentuk kemampanan budaya suku Toraja.</p> <p>ii. Upacara Ma'nene tidaklah dilaksanakan terlalu berlebihan. Para pelancong tidak dibenarkan melakukan sebarang tindakan terhadap jenazah sewenang-wenangnya.</p> <p>iii. Para pelancong diizinkan oleh ahli keluarga sekiranya mereka ingin turut serta dalam upacara Ma'nene.</p>                                                                        |
| 3   | Mahzab ini menegaskan upacara Ma'nene boleh membawa komuniti suku Toraja di Kampung Lalikan melupakan Tuhan                    | <p>i. Upacara Ma'nene yang dilakukan pada masa kini adalah dalam bentuk baru iaitu mengikut versi agama Kristian.</p> <p>ii. Komuniti suku Toraja di Kampung Lalikan sudah melakukan perbincangan tentang kesesuaian pelaksanaan upacara Ma'nene yang digabungkan dengan agama Kristian.</p> <p>iii. Upacara doa yang dilaksanakan adalah sesuai dengan amalan agama Kristian iaitu mendoakan roh si mati.</p>                                           |
| 4   | Mahzab ini menegaskan bahawa upacara Ma'nene hanya menginginkan publisiti di media sosial Sahaja                               | <p>i. Pelaksanaan upacara Ma'nene pada masa kini menunjukkan keterbukaan perkongsian terhadap budaya suku Toraja dengan pelancong yang ingin mempelajari upacara Ma'nene.</p> <p>ii. Mahzab ini bersetuju upacara Ma'nene sebagai tanda menghargai budaya warisan.</p>                                                                                                                                                                                   |


iii. Mahzab ini bersetuju upacara Ma'nene boleh mempertahankan identiti dan jati diri suku Toraja.

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Jadual 2 di atas menjelaskan berlaku pertembungan fahaman pemikiran agama yang wujud di Kampung Lalikan antara tiga mazhab agama Kristian iaitu Protestan, Katolik dan Pentakosta. Namun, hasil kajian ini mendapati pemikiran fahaman mazhab Protestan adalah yang paling dominan dan ramai para pengikutnya masih melaksanakan upacara tardisi Ma'nene, Bagi pengikut fahaman Katolik mereka juga masih mengamalkan upacara Ma'nene dengan cara fahaman Katolik. Berbeza pula dengan penganut fahaman Pentakosta, kajian ini mendapati mula kurang mengamalkan upacara tradisi Ma'nene di Kampung Lalikan seperti masa lalu.

### Proses Sinkretisme Tiga Mazhab Agama Kristian Yang berbeza Dalam Upacara Ma'nene di Kampung Lalikan

Kajin ini mendapati bahwa pada masa kini upacara Ma'nene dilakukan dan difahami dengan makna yang baru iaitu gabungan tiga fahaman agama Kristian yang boleh dikonseptual sebagai sinkretisme.



**Rajah 1: Proses Sinkretisme Agama (Penyesuaian Kepercayaan Agama) Dalam Upacara Ma'nene Komuniti Suku Toraja Utara di Kampung Lalikan**

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Rajah 1 di atas menunjukan bahawa proses sinkretisme agama (penyesuaian kepercayaan agama yang berbeza) berlaku dalam ahli komuniti suku Toraja di Kampung Lalikan. Faktor utama proses sinkretisme tiga mazhab agama Kristian ini berlaku adalah untuk menyatu padu hubungan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat Toraja Utara demi mengekalkan identiti dan upacara Ma'nene terutamanya di Kampung Lalikan. Alasan lain termasuklah menyelaraskan fahaman mazhab Kristian yang berbeza; menggabungkan amalan-amalan mazhab agama Kristian yang berbeza seperti Protestan, Katolik dan Pentakosta supaya upacara ma'nene dapat dilaksanakan secara harmoni dan berterusan dalam masyarakat Toraja Utara daripada satu generasi ke satu generasi lain seterusnya. Situasi ini akhirnya telah mendorong kepada sinkretisme agama wujud di Kampung Lalikan ini melalui faktor alkuiltrasi dan asimilasi budaya seperti yang diperlihatkan dalam Jadual 4 di bawah.

**Jadual 4: Proses Sinkretisme Mengikut Mazhab Agama Kristian Protestan, Katolik dan Pentakosta Berkaitan Upacara Ma'nene di Kampung Lalikan**

| Proses Sinkretisme                                                                                                                                                                                                                                                              | Fahaman Mengikut Mazhab Agama                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i. Menerusi akulturasi:<br>Akulturasi yang terjadi diantara komuniti adalah digabung antara kepercayaan upacara Ma'nene dan kepercayaan agama Kristian. Ini termasuklah mencipta amalan agama Kristian dalam bentuk baru.                                                       | i. Upacara Ma'nene digabungkan dengan elemen agama iaitu Protestan dan Katolik.<br>ii. Situasi ini telah menyebabkan wujudnya versi <i>Aluk Todolo</i> dalam bentuk baru versi Kristian.                                                                                                                                                                                                       |
| ii. Menerusi asimilasi:<br>Asimilasi yang terdapat antara kepercayaan dan adat tradisional komuniti yang dominan yang mampu menyerap elemen dari kepercayaan lain untuk menciptakan bentuk kepercayaan baru yang mencerminkan gabungan kedua-dua pengaruh kepercayaan tersebut. | i. Penganut fahaman Kristian Protestan lebih dominan<br>ii. Semua komuniti berjaya menyesuaikan diri dengan situasi perbezaan fahaman agama yang wujud di kampung ini. Situasi ini menyebabkan perbezaan kepercayaan agama antara agama Kristian dan kepercayaan tradisional kurang ketara.<br>iii. Ahli keluarga yang sudah beragama Islam juga bersama-sama hadir dalam upacara Ma'nene ini. |
| iii. Menerusi interaksi sosial dan pengaruh pemimpin agama:<br>Interaksi dan pengaruh pemimpin agama yang kuat yang wujud dalam komuniti mampu membentuk komunikasi yang memicu kepada pertukaran idea dan praktik yang mengarah kepada sinkretisme agama.                      | i. Paderi di Kampung Lalikan ini saling berganti-ganti dalam urusan pembacaan doa dalam upacara Ma'nene tanpa mengira fahaman agama Kristian mereka.<br>ii. Komunikasi yang wujud dalam komuniti di kampung ini juga tidak menyinggung mana-mana fahaman agama Kristian.                                                                                                                       |

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Jadual 3 di atas menjelaskan bagaimana proses sinkretisme kepercayaan agama Kristian dan kepercayaan tradisional suku Toraja di Kampung Lalikan berkaitan upacara Ma'nene. Kepercayaan tradisi upacara Ma'nene dan kepercayaan mazhab agama Kristian telah bergabung menjadi satu bentuk kepercayaan melalui amalan upacara Ma'nene masa kini. Dalam hal ini, kajian ini mendapati bahawa sinkretisme agama tidak menjadi perpecahan dalam kalangan ahli komuniti di Kampung Lalikan. Tetapi ahli komuniti di Kampung Lalikan menerima dan bertoleransi fahaman sinkretisme ini secara sepakat.

Keadaan ini telah berjaya meredakan pertelingkahan antara tiga mazhab Kristian yang berlaku di Kampung Lalikan sebelum ini. Bagi ahli komuniti yang menganut fahaman aliran Pentakosta mereka sudah pun memiliki cabang kepercayaan dan pemikiran yang berbeza dengan kepercayaan dan pemikiran komuniti suku Toraja yang menganut kepercayaan Protestan dan Katolik. Bagi penganut Pentakosta mereka beranggapan bahawa upacara Ma'nene masih lagi bersifat penyembahan berhala seperti yang diamalkan pada masa dahulu. Mereka hanya bersetuju amalan membuka kuburan (*Patane*) dan membersihkan jenazah

sahaja dilaksanakan semasa upacara Ma'nene. Namun, mereka berstuju bahawa upacara Ma'nene khususnya di Kampung Lalikan tidak boleh dilupakan atau tidak dilaksanakan oleh komuniti suku Toraja di kampung ini. Ini kerana upacara Ma'nene merupakan salah satu cara mereka memperlihatkan penghormatan mereka kepada ahli keluarga mereka yang sudah meninggal dunia. Jelaslah bahawa, upacara Ma'nene yang dilaksanakan di Kampung Lalikan ini mengungkapkan rasa cinta serta kasih sayang mereka dan bukanlah seperti yang dianggap sebagai bentuk penyembahan berhala kerana pada umumnya semua tatacara bersifat anamisme sebelum ini sudah dihapuskan dan pada masa sekarang upacara Ma'nene mengikut tatacara agama Kristian secara umumnya.

Sinkretisme kepercayaan mazhab agama Kristian yang berbeza telah menjadi simbol toleransi dalam melaksanakan upacara Ma'nene di Kampung Lalikan. Dalam satu peristiwa di Kampung Lalikan, hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat sebuah keluarga yang menganut fahaman Katolik yang baru sahaja kematian ahli keluarga mereka telah melaksanakan elemen penting dalam fahaman Katolik iaitu melakukan bacaan doa dalam upacara Ma'nene bagi keluarga mereka. Seperti yang kita ketahui bahawa penganut mazhab Pentakosta tidak melaksanakan upacara bacaan doa seperti yang dilakukan oleh penganut mazhab Protestan dan Katolik sebelum ini. Namun, telah berlakunya sinkretisme agama antara penganut Protestan, Katolik dan Pentakosta dalam melaksanakan upacara Ma'nene pada masa kini. Di mana ketiga-tiga aliran fahaman ini turut sama terlibat dalam bacaan doa ini semasa upacara Ma'nene dilaksanakan tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa berlakunya sinkretisme agama iaitu penerimaan dan tolak ansur dalam kalangan penganut agama yang berbeza dalam upacara Ma'nene di Kampung Lalikan.

Pelaksanaan bacaan doa yang sebelum ini dilakukan di rumah masing-masing telah berubah dan dibacakan secara bersama antara penganut agama yang berbeza di kawasan perkuburan semasa upacara Ma'nene berlangsung. Persetujuan ini sudah dibincangkan oleh kepimpinan kampung dan pemimpin agama dan dipersetujui bersama lebih awal lagi. Ini memastikan upacara bacaan doa tersebut dapat dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan hingga selesai demi memberi peluang kepada ahli keluarga yang tinggal jauh dari kawasan perkuburan turut serta. Keadaan ini menunjukkan sikap saling hormat-menghormati antara mereka meskipun berbeza fahaman agama. Ini kerana, pada hari pelaksanaan upacara Ma'nene tersebut. Paderi Protestan dan Katolik saling berganti-ganti membacakan doa yang disertai oleh ahli keluarga yang menganut fahaman agama Kristian yang berbeza dalam upacara Ma'nene.

### **Makna Simbolik Budaya Hasil Sinkretisme Kepercayaan Aliran Agama Yang Berbeza**

Jadual 5 menjelaskan bahawa terdapat beberapa makna simbolik budaya hasil dari sinkretisme kepercayaan mazhab agama Kristian yang berbeza tentang upacara Ma'nene di Kampung Lalikan. Hasil sinkretisme kepercayaan agama inilah lahir makna simbolik budaya yang baru dalam interaksi sosial dalam kalangan ahli komuniti di Kampung Lalikan ini seperti makna peningkatan ilmu pengetahuan, menerima dinamik budaya dan toleransi. Meskipun wujudnya isu percanggahan fahaman aliran agama pada peringkat awal, namun hasil kajian di kampung Lalikan mendapati bahawa, sinkretisme agama yang ditunjukkan dalam kalangan ahli komuniti suku Toraja Utara menjadi sebuah fahaman kuat semasa berlangsungnya upacara Ma'nene pada masa kini.



**Jadual 5: Makna Simbolik Budaya Hasil Sinkretisme Kepercayaan Agama yang Berbeza Dalam Melaksanakan Upacara Ma'nene**

| Makna Simbolik Budaya                                                                                                                                                                                                                                                             | Penjelasan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i. Sinkretisme kepercayaan agama yang berbeza telah <i>meningkatkan fahaman pengetahuan</i> yang lebih mendalam tentang perbezaan agama Kristian (Protestan, Katolik dan Pentakosta)                                                                                              | <p>i. Berlakunya peningkatan fahaman ahli komuniti suku Toraja di Kampung Lalikan tentang ajaran agama Kristian yang mereka anuti dan mereka menyesuaikan dengan upacara Ma'nene.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Contoh: Menerusi upacara Ma'nene, ahli komuniti dapat mengaplikasikan ajaran agama Kristian dalam kehidupan mereka iaitu menghormati orang tua seperti mana yang telah disarankan dalam agama Kristian.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                      |
| ii. Ahli komuniti <i>menerima dan mengembangkan konsep sinkretisme</i> agama Kristian yang berbeza melalui upacara Ma'nene                                                                                                                                                        | <p>i. Suku Toraja di Kampung Lalikan menerima dan melaksanakan upacara Ma'nene mengikut sinkretisme agama.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Contoh: Ahli komuniti yang menganut kepercayaan Pentakosta menerima bahawa upacara Ma'nene boleh dilaksanakan oleh penganut fahaman agama Kristian yang lain.</li> <li>❖ Ahli komuniti yang menganut fahaman Protestan dan Katolik sedar bahawa mereka harus menjaga dan mengembangkan upacara Ma'nene sebagai usaha untuk melestarikan upacara ini.</li> <li>❖ Pelaksanaan upacara Ma'nene ini sesuai dengan prinsip ajaran agama Kristian yang menghormati orang yang hidup dan orang yang telah meninggal dunia.</li> </ul> |
| iii. Berlakunya <i>tolak ansur antara penganut agama Kristian yang berbeza</i> dalam melaksanakan upacara Ma'nene. Tetapi ketiga-tiga penganut agama Kristian yang berbeza tersebut menolak unsur-unsur perbuatan upacara Ma'nene yang bertentangan dengan prinsip agama Kristian | <p>i. Ahli komuniti suku Toraja di Kampung Lalikan tidak melaksanakan apa yang sudah dilarang dalam ajaran agama Kristian.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Contoh: Ahli komuniti tidak lagi melaksanakan tradisi mayat berjalan, memberi makanan dan minuman serta memanggil dewa dan roh sewaktu pelaksanaan upacara Ma'nene kerana versi tersebut mengandungi unsur yang dilarang dalam agama Kristian.</li> <li>❖ Ahli komuniti sedar bahawa unsur-unsur perbuatan tersebut adalah bertentangan dengan prinsip agama ketiga-tiga aliran agama Kristian tersebut.</li> </ul>                                                                                            |

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Pelaksanaan setiap tahun upacara Ma'nene di Kampung Lalikan ini telah bermula sejak tahun 2019 berbanding dengan tahun sebelumnya yang hanya melaksanakan upacara ini mengikut kesesuaian mereka. Jadual 6 di bawah menunjukkan jumlah kunjungan pelancong luar negara mahupun pelancong dalam negara sepanjang lima tahun iaitu 2019 hingga 2024 yang datang ke Toraja Utara. Jumlah ini memperlihatkan peningkatan kecuali sewaktu adanya pandemik Covid-19 sepanjang tahun 2020 hingga 2021 sebelum jumlah kunjungan pelancong meningkat semula pada tahun 2022 hingga 2024. Jadual 6 di bawah memperlihatkan jumlah kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara pada setiap bulan Ogos bermula dari tahun 2019 hingga 2024.

**Jadual 6: Jumlah Kunjungan Pelancong Pada Bulan Ogos Ke Toraja Utara Tahun 2019-2024**

| Tahun | Pelancong Dalam Negara                        | Pelancong Luar Negara               | Jumlah Keseluruhan |
|-------|-----------------------------------------------|-------------------------------------|--------------------|
| 2019  | 5,482                                         | 25,820                              | 31,302             |
| 2020  | (Tidak ada pelancong datang sewaktu Covid-19) | 7,987<br>(Pandemik Covid-19)        | 7,987              |
| 2021  | 9<br>(Pandemik Covid-19)                      | 5,488<br>(Pandemik Covid-19)        | 5,497              |
| 2022  | 1,097<br>(Pasca Pandemik Covid-19)            | 14,969<br>(Pasca Pandemik Covid-19) | 16,066             |
| 2023  | 1,766                                         | 18,413                              | 20,179             |
| 2024  | 327.073                                       | 16.084                              | 343.157            |

Sumber: Dinas Kebudayaan dan Pariwisata Toraja Utara, 2023& 2024

### Kesimpulan

Upacara Ma'nene sememangnya merupakan salah satu adat dan amalan budaya tradisi yang masih lagi diamalkan oleh ahli komuniti suku Toraja Utara khususnya di Kampung Lalikan. Meskipun ahli masyarakat Toraja ini sudah menganut agama Kristian mazhab Katolik, Protestan dan Pentakosta, tradisi Ma'nene ini masih dipegang teguh untuk terus dilaksanakan sebagai simbol budaya identiti dan jati diri suku Toraja di mata dunia. Dalam hal ini, sinkretisme agama telah menjadi simbolik budaya melalui upacara Ma'nene. Makna simbolik budaya sinkretisme agama adalah tentang hidup bertolak ansur, bersatu, hormat menghormati sesama individu dan keluarga dalam masyarakat Toraja Utara di Kampung Lalikan. Walau pun dalam kalangan suku kaum Toraja Utara ini menganut mazhab agama Kristian yang berbeza, tetapi sinkretisme telah melahirkan keamanan dan kedamaian antara ahli komuniti dengan adanya nilai tolak ansur dan saling hormat-menghormati. Justeru, dapat dirumuskan bahawa sinkretisme agama yang wujud dalam kalangan ahli komuniti suku Toraja di Kampung Lalikan telah membentuk makna simbolik budaya perpaduan menerusi upacara Ma'nene.

### Penghargaan

Pengkaji ingin merakam stinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada kepimpinan dan penduduk Toraja Utara di Kampung Lalikan, Sulawesi, Indonesia kerana telah

memberi sepenuh sokongan dan kerjasama bagi menjayakan kajian ini dalam keadaan sumber kewangan bagi kajian ini adalah biaya sendiri (*self funding*).

## Rujukan

- Alatami, O. K. (2018). Tradisi Ma'nene pada Masyarakat Toraja (Studi Kasus di Kelurahan Pangala' Kecamatan Rindingallo Kabupaten Toraja Utara). FIS.
- Bahri, Bustan, Jumadi & Najamuddin. (2023). Ma'nene: Dinamika Sejarah Tradisi Membersihkan dan Mengganti Pakaian Jenazah Leluhur Suku Toraja. Universitas Negeri Makassar. Fajar Historia: *Jurnal Ilmu Sejarah dan Pendidikan*. Vol. 7: No. 1, pp 64-76.
- Bailey, K. D. (1992). *Methods of Social Research*. New York City: Simon and Schuster Publisher.
- Brown, T., A. (2006). *Confirmatory Factor Analysis for Applied Research*. New York: The Guilford Press.
- Bruce, S and Yearley, S, (2006). *The Sage Dictionary of Sociology*. London. Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (Third Edition)*. Los Angeles. Sage.
- Dinas Kebudayaan dan Parawisata Toraja Utara (2023). Kabupaten Toraja Utara. Dalam Angka 2023. Badan Pusat Statistik Kabupaten Toraja Utara.
- Dinas Kebudayaan dan Parawisata Toraja Utara Kabupaten Toraja Utara (2024). Dalam Angka 2024. Badan Pusat Statistik Kabupaten Toraja Utara.
- Dwi Megawati. (2020). Hubungan Antara Spritualitas dan Budaya Ma'nene Di Daerah Kanton Poya. Indonesia: Institut Agama Kristen Negeri Toraja.
- Febrianti Parrang. (2020). Pergeseran Makna Ritual Ma'nene Pada Masyarakat Baruppu Parodo Kabupaten Toraja Utara. Indonesia: Universitas Negeri Makassar.
- Gagliardi, A. R. & Dobrow, M. J. (2011). *Paucity of Qualitative Research in General Medical and Health Services and Policy Research Journals: Analysis of Publication Rates*. United Kingdom, BMC: Health Services Research.
- Giddens, A., & Birdsall, K. (2001). *Sociology (4<sup>th</sup> ed.)*. Cambridge: Polity.
- Gunawan, R., & Merina, M. (2018). Tradisi Ma'nene Sebagai Warisan Budaya Etnis Toraja. Candrasangkala. *Jurnal Pendidikan dan Sejarah*, 4(2), 107-115.
- Hall, E. T. (1967). *Beyond Culture*. New York: Doubleday.
- Lee Khuan & Krauss, S. E. (2015). Why Use Qualitative Reseach Methods to Understand the Meaning of Clients' Experiences in Healthcare Reaseach. *International Journal of Public Health and Clinical Sciences*. e-ISSN: 2289- 7577. Vol. 2: No. 4.
- Marampa, T. dan Labuhari, Upa. (1997). *Budaya Toraja*. Jakarta: Yayasan Maraya.
- Marshall, C. & Rossman, G. B. (2011). *Designing Qualitative Research (5<sup>th</sup>.ed.)*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Marten Kala. Kampung Lalikan, Toraja Utara. Paderi Pentakosta Kampung Lalikan. 24 Ogos 2023.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study: Applications in Education*. USA: Jossey Bass Inc.
- Mullins, M., R. (2001). Syncretism. In *Evangelical Dictionary of World Mission*, edited by A. Scott Moreau. Grand Rapids, MI: Baker Books.
- Nadia Lutfun Nisa & Eko Ribawati. (2025). Ritual Ma'nene Toraja: Kearifan Lokal Dalam Menghormati Leluhur. *Triwikrama: Jurnal Ilmu Sosial*, 9(7), 171-180.
- Notoprodjo, H. M., Sapa, S., Lebang, H. C. Y. & Polly, W. W. (2022). Studi Alumni Toraja

- STT. Injil Bhakti Caraka Untuk Mengukur Keberhasilan Pendidikan Teologi Mengatasi Kepercayaan Ma'nene. *Jurnal Penjaminan Mutu*, 8(2), 232-237.
- Oxford Dictionary. (2001). Volume 13. New York: Oxford University Press.
- Paranoan, M. (1994). Upacara Kematian Orang Toraja. Analisis Psiko-Sosio Kultural. Rantepao: Percetakan Sulo.
- Pongarrang, Jhon. (2014). Ma'nene. Diakses Pada 1 December 2022 dari <http://JhonPongarrang/2014/Ma'nene.html>.
- Ramba Turandan. (2022). Makna Simbol Dalam Ritual Ma'nene Di Gereja Toraja Jemaat Sion Barereng: Perspektif Teori Simbol Mircea Eliade. Indonesia: Universitas Kristen Satya.
- Rismayanti, R., & Nusarastriya, Y. H. (2020). Upacara Adat Pemakaman Mengenang Leluhur (Ma'nene) di Toraja. Lembang Bululungan Kecamatan Rindingallo Toraja Utara. *Jurnal Adat dan Budaya Indonesia*, 2(2), 118-132.
- Sabitha Marican. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Malaysia: Prentice Hall.
- Sahrul Syawal. (2022). Landasan Pendidikan Dalam Perspektif Budaya: Kajian Pendidikan dan Budaya Toraja Ma'nene. *Jurnal Pendidikan Tambusai* 6 (3), 14087-14094.
- Taylor, S. J. & Bogdan, R. (1984). Introduction to Qualitative Research Methods. USA: Wiley Publishers.
- The New Encyclopedia Britannica. (1976). Volume 15. Chicago: Encyclopaedia Britanica.
- Zanki, H.A. (2020). Teori Psikologi dan Sosial Pendidikan (Teori Interaksi Simbolik). *Scolae: Journal of Pedagogy*, 3(2). <http://doi.org/10.5>